PENDAKWA RAYA

lwn.

NEEDI A/L KRISHNAN

MAHKAMAH TINGGI, IPOH
DATO' PEH SWEE CHIN H.
[PERAK CRIMINAL TRIAL NO. 58-1-86]
15 MAC 1993

DADAH BERBAHAYA: Pertuduhan dibawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Angappan statutori milikan dan pengedaran - Samaada angappan statutori milikan dan pengedaran dapat dipatahkan atas imbangan kebarangkalian - Keterangan semacam - Samaada dapat diterima masuk sebagai keterangan - Percakapan beramaran - Samaada dapat diterima masuk sebagai ekshibit walaupun pegawai polis yang merakamnya tidak dipanggil sebagai saksi.

Tertuduh telah dituduhkan mengedar dadah berbahaya dibawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Keterangan saksi-saksi pendakwaan adalah bahawa tertuduh dinampak mencampakkan satu bungkusan plastik yang kemudiannya didapati mengandungi dadah berbahaya jenis heroin.

Diakhir kes pendakwaan Mahkamah telah mendapati yang pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* dan tertuduh dipanggil untuk memasukkan pembelaannya.

Tertuduh mengatakan bahawa identitinya telah silap dikenal pasti dan bukan dia yang dicamkan oleh saksi-saksi pendakwaan sebagai orang yang mencampakkan beg plastik tersebut.

Diputuskan:

[1] Percakapan beramaran daripada seorang tertuduh dapat dikeluarkan oleh pegawai polis yang bukan pegawai yang merakamkannya dan dipakai sebagai ekshibit sempurna dan bukan ekshibit "ID" atau ekshibit yang belum sempurna sebelum ia disahkan oleh pegawai yang merakamkannya. Walaubagaimanapun nilai sepenuhnya percakapan ini tidak dapat diberi selagi pembuatnya tidak dapat disoalbalas sekalipun ia dimasukkan seperti ekshibit biasa.

[2] Peristiwa pertama yang dilihat oleh saksi-saksi pendakwaan adalah keterangan semacam yang oleh kerana ia adalah begitu mengkagumkan, ia dapat dimasukkan kedalam kes lantaran nilai keterangan ini dari segi kekaguman itu melebehi kesan memudaratkannya.

[3] Keterangan tertuduh dan saksi-saksinya tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah atas kes pendakwa. Tertuduh gagal atas imbangan kebarangkalian mematahkan angappan statutori mengenai milikan dan pengedaran dadah berbahaya.

[Tertuduh didapati bersalah dan dikenakan hukum mati].

Kes-kes yang dirujuk:

Boardman lwn. D.P.P. [1975] AC 421 ***(dirujuk)***
PP lwn. Veeran Kutty & Anor. [1990] 3 MLJ 498 ***(dirujuk)***
Su Ah Ping lwn. Public Prosecutor [1980] 1 MLJ 75 ***(dirujuk)***

Akta-akta yang dirujuk:

Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 39B(1)(a) & 39B(2)
Akta Keterangan 1950, ss. 81 & 114

Bagi pihak pendakwa raya - Zainal Abidin bin Kamarudin, TPR
Bagi pihak tertuduh - Gurbachan Singh (Ranjit Singh bersamanya); T/n. Bachan & Kartar

ALASAN PENGHAKIMAN

Peh Swee Chin H:

Tertuduh (kemudian daripada ini disebut sebagai OKT) telah dituduh seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 14 April 1985 lebih kurang pukul 11.15 pagi di Ulu Buntong, Ipoh , dalam Daerah Kinta, dalam negeri Perak, kamu sendiri telah mengedar dadah berbahaya, iaitu, heroin seberat 24 gram dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya, Akta 234 dan boleh dihukum di bawah s.39B(2) Akta yang sama.

Pada 14 April 1985 lebih kurang jam 11.00 pagi Det. Alias ada bersama Konst. Rosli di kawasan Balai Polis, Kg. Baru (Buntong, Ipoh). Dua orang Melayu datang dan memberi maklumat tentang nampak orang mencampakkan satu bungkusan yang disyaki dadah. Det. Alias, bersama Kpl. Yusof (yang telah meninggal dunia pada masa pembicaraan kes ini), Konst. Rosli, Konst. Subramaniam (atau Bala) dan salah seorang yang memberi maklumat iaitu Nordin, pun menaiki motosikal-motosikal ke tempat kejadian. Setiba di tempat itu, iaitu satu lorong tanah merah, mereka pun nampak seorang India berdiri di tepinya. Mereka menghampirinya, dan apabila sampai 10 kaki daripada dia, dia mencampakkan satu bungkusan plastik. Orang itu dicamkan sebagai

OKT di Mahkamah. Det. Alias menyuruh Konst. Bala mengambil bungkusan plastik itu. Konst. Bala kemudian menyerahkan bungkusan plastik kepadanya. Det. Alias membukanya dan mendapati satu bungkusan surat khabar lagi di dalamnya, mengandungi benda-benda yang disyaki dadah. OKT dan barang-barang itu dibawa balik ke balai polis di mana Det. Alias membuka semula bungkusan plastik itu dan memeriksa benda-benda itu. Dia menyerahkannya kepada Insp. Veeman. Det. Alias kemudian mendapati ada 10 paket dan 14 ikatan. Tigabelas dari 14 ikatan itu mengandungi 25 gulung (atau kartus) masing-masing. Yang satu ikatan lagi mengandungi 24 kartus. Dia tandakan barang-barang itu dengan huruf "Y". (Di Mahkamah terbuka, dia ditunjukkan satu sampul surat besar yang telah digamkan dan dia terus mengoyak dan membukanya). Det. Alias mengeluarkan 10 paket plastik kosong yang dicamkan dan dia menyatakan apabila menjumpainya dahulu, paket-paket itu mengandungi serbuk. Dikeluarkan satu beg plastik yang mengandungi serbuk kemerahan-merahan sedikit dan Det. Alias berkata serbuk yang dia jumpa dahulu adalah lebih merah sedikit (jika dibandingkan). Di kandang saksi, Det. Alias ditunjukkan satu sampul surat yang telah sedia digamkan dan dia pun membukanya dan dibongkarkan ikatan-ikatan dari satu beg plastik yang dicamkan. Dia pun buat laporan polis yang ditunjukkan kepadanya di Mahkamah dan diakuinya. Dia kemudian menyerahkan barang-barang yang dijumpai kepada Insp. Raja Zahudeen.

Bila disoalbalas, Det. Alias berkata mereka cuma nampak seorang sahaja di tempat kejadian, iaitu OKT. OKT adalah lebih kurang 50 kaki daripadanya bila dia terjumpai OKT pada mulanya dan bila sampai 10 kaki daripadanya, OKT mencampakkan bungkusan itu. Det Alias bersetuju tempat kejadian itu semacam semak di kawasan buang sampah. Mengikut pemberi maklumat, terlebih dahulu, 2 orang lelaki India bertembung dengan dia dan salah seorang mencampakkan bungkusan. Det. Alias menafikan bahawa OKT menjawab bahawa OKT adalah penjaga lembu. Det. Alias tidak membuat satu search list atau senarai pemeriksaan tentang barang-barang kes yang dijumpai. Dia bersetuju bahawa serbuk yang dikeluarkan dari sampul surat pertama itu dalam satu beg plastik adalah sama atau tidak dengan yang dijumpai di tempat kejadian. Dia berkata dia menyerahkan barang-barang kes kepada Insp. Raja Zahudeen dan tidak kepada Insp. Veeman. Dia nampak OKT di tempat kejadian dengan jelas. Bungkusan yang ditunjukkan kepadanya di Mahkamah adalah sama dengan yang dia jumpa di tempat kejadian. Dia juga camkan apa yang terdapat di dalam gambar-gambar yang ditunjukkan kepadanya. Di tempat OKT ditahan, tiada sampah.

Keterangan Det. Alias disokong daripada keterangan Konst. Bala.

Insp. Raja Zahudeen (SP4) berkata bahawa pada jam 6.00 petang pada 14 Ogos 1985 beliau bertugas di cawangan anti-dadah Ipoh dan berjumpa dengan Det. Alias bersama OKT, barang-barang yang disyaki dadah dan laporan polis. Barang-barang kes itu adalah 10 paket plastik (P5), beg plastik (P3). (P3 dan P5 telah dicamkan oleh Det. Alias terlebih dahulu). P3 dan P5 ditandakan "Y". Satu beg plastik besar (yang dikeluarkan dari sampul surat besar pertama yang dibukakan terlebih dahulu oleh Det. Alias) dan yang mengandungi serbuk kemerah-merahan sedikit (P2) juga dicamkan oleh Insp. Raja Zahudeen. Insp. Raja Zahudeen memasukkan ke dalam satu sampul 10 paket, beg plastik (yang terlebih dahulu dikatakan dijumpa bertanda "Y" atas semuanya itu). Beliau serahkan kepada Cik Lam, ahli kimia dan beliau ambil barang-barang balik daripada Cik Lam bersama laporan kimia.

Percakapan beramaran yang ada bersama Insp. Raja Zahudeen yang dirakamkan daripada OKT oleh seorang pegawai yang lain telah menjadi perbahasan hangat antara Peguambela dan Pendakwa apabila Peguambela memohon supaya Insp. Raja Zahudeen yang pada ketika itu menjadi saksi, mengemukakannya kepada Mahkamah. Peguambela memberitahu bahawa beliau ada hadir dalam Mahkamah Agung apabila Mahkamah Agung Rayuan Jenayah No. 63/85 didengar dan diputuskan pada 9 Mac 1987 sekalipun kes ini tidak dilaporkan dalam laporan-laporan undang-undang. Ratio kes itu adalah bahawa percakapan beramaran daripada seseorang tertuduh dapat dikeluarkan oleh pegawai polis yang bukan pegawai yang merakamkannya dan dipakai sebagai ekshibit sempurna dan bukan ekshibit "ID" atau ekshibit yang belum sempurna sebelum ia disahkan oleh pegawai yang merakamkannya. Ratio keputusan Mahkamah Agung ini pun telah dipakai dalam kes Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur Kes Jenayah No. 58/37/87.

Mahkamah ini pun putuskan ia terikat kepada keputusan Mahkamah Agung itu dan membenarkan percakapan beramaran yang dirakamkan daripada OKT dikemukakan sebagai ekshibit biasa. Percakapan beramaran juga menyokong cerita OKT yang akan dihuraikan kemudian daripada ini. Pendek kata, nilai sepenuhnya percakapan ini tidak dapat diberi selagi pembuatnya tidak dapat disoalbalas, sekalipun ia dimasukkan seperti ekshibit biasa. Memanglah Mahkamah ini diwajibkan mengambilkiranya.

Apa yang dipertikaikan sangat-sangat oleh pihak Peguambela ialah apa yang ternampak oleh pemberi maklumat kepada polis iaitu Nordin yang telah secara kebetulan melihat satu peristiwa. Peristiwa itu menyebabkannya pergi ke balai polis untuk melaporkannya, dan pasukan polis pun telah pergi ke situ sepertimana diceritakan oleh Det. Alias terlebih dahulu.

Pada pendapat Mahkamah ini, bukan apa yang tampak Nordin terlebih dahulu sebelum dia memberi maklumat kepada Det. Alias, tetapi keterangan anggota-anggota polis tentang pemergian ke tempat kejadian dan tangkapan OKT di situ yang mustahak dan boleh diharap pertolongan darinya untuk membolehkan Mahkamah mencapai keputusan samada suatu kes *prima facie* dapat dibuktikan. Walau bagaimanapun, keterangan Nordin, ringkasnya adalah seperti berikut:

Dalam peristiwa yang lalu dan yang pertama, pada pagi itu sebelum berjumpa dengan Det. Alias, dia mengikuti Jalan Buntong dari arah Menglembu ke Kg. Manjoi dengan menaiki motosikal dengan kawannya bernama Rosli sebagai pembonceng. Di tengah perjalanannya, dia terserempak dengan dua orang India, seorang sedang duduk di tempat duduk motosikal itu dan motosikal itu tidak bergerak, dan seorang lagi sedang keluar dari semak di sebelah kiri jalan dan memegang suatu bungkusan dan membuangnya. Orang yang keluar dari semak serupa dengan OKT memakai rantai salib. Kedua-dua orang itu pun melarikan diri, meninggalkan motosikal itu yang tetap di sana.

Dia terus pergi melihat benda yang dibuang. Dia dapati suatu bungkusan surat khabar dan di dalamnya terdapat suatu bungkusan plastik. Isi bungkusan plastik itu merah jambu dan dia menganggapnya tidak elok. Dia kemudian pergi ke motosikal yang ditinggalkan itu, dan didapati di motosikal itu ada suatu beg plastik bergulung-gulung di dalamnya. Dia tidak nampak orang lain selain daripada dua orang India itu, dan dia tidak nampak sesiapa yang menjaga lembu atau sampah sarap di semak itu. Dia kemudian memberitahu balai polis mengenai kejadian itu.

Apabila disoalbalas berhubung dengan peristiwa itu, Nordin berkata orang-orang yang melarikan diri semasa terserempak dengan Nordin dalam peristiwa itu ada memakai baju masing-masing dan bila OKT ditangkap, OKT tidak berbaju. Dia berkata dia nampak dua buah motosikal yang ditinggalkan di tempat kejadian dalam peristiwa pertama. Nordin memberitahu dia menyorokkan barang-barang yang dijumpai di tempat kejadian. Dia menafikan dia mengejar orang-orang India itu dalam peristiwa pertama dan pada masa itu orang yang membuang bungkusan itu tidak berjanggut seperti OKT dalam kandang orang tertuduh.

Terdapat percanggahan-percanggahan dalam keterangan Nordin mengenai peristiwa pertama (polis tidak terlibat dalamnya) tentang janggut dan motosikal dan jika Mahkamah ini terpaksa bergantung kepada keterangan Nordin sahaja atau kepada peristiwa ini sahaja tanpa cerita pasukan polis yang pergi ke tempat kejadian, ada kemungkinan Mahkamah ini akan berpendapat kes *prima facie* pihak pendakwa pun telah tidak dibuktikan. Apakah pendekatan mengenai peristiwa pertama Mahkamah patut mengambil?

Biar saya memanggil pemergian pasukan polis ke tempat kejadian dan apa yang berlaku di sana seterusnya sebagai peristiwa kedua. Adalah jelas terdapat persamaan di kedua-dua peristiwa itu, iaitu, OKT tampak membuang sesuatu bungkusan. Dari segi ini, peristiwa pertama adalah keterangan semacam atau "evidence of similar facts" yang biasanya tidak dibenarkan kemasukannya dalam sesuatu kes kerana kesan memudaratkan atau kesan prejudicial terhadap OKT.

Akan tetapi persamaan tersebut adalah begitu mengkagumkan atau "striking", ia dapat dimasukkan ke dalam kes lantaran nilai keterangan ini, dari segi kekaguman itu, melebihi kesan memudaratkannya sepertimana yang diputuskan dalam kes daripada House of Lords iaitu *Boardman v. DPP* [1975] AC 421 yang kemudian telah menjadi panduan kepada

Mahkamah ini di dalam kes dengan nama *PP v. Veeran Kutty & Anor*. [1990] 3 MLJ 498. Oleh yang demikian, Mahkamah ini, dalam kes kini, pun menerima kemasukkan keterangan mengenai peristiwa pertama.

Akan tetapi, setelah meneliti peristiwa pertama, terdapat percanggahan-percanggahan terbongkar apabila Nordin disoalbalas. Mahkamah ini tidak dapat menerima peristiwa pertama itu untuk menguatkan atau menyokong kes pihak pendakwa, khasnya, orang India yang kelihatan dalam peristiwa pertama memegang dan membuangkan sesuatu bungkusan adalah OKT juga.

Selain daripada ratio dari *Boardman* tersebut di atas, adalah sama jelas jua bahawa pihak pembelaan mengingini sangat untuk keterangan peristiwa pertama dimasukkan ke dalam kes ini sekali pun kesan memudaratkannya, kerana ia dijadikan keterangan untuk menyokong pembelaan OKT bahawa ia telah silap dikenalpastikan oleh saksi-saksi pihak pendakwa.

Mahkamah ini menimbangkan keterangan peristiwa pertama dari segi samada ia cukup untuk membangkitkan sebarang keraguan ke atas kes pendakwa, tidak mengira samada Mahkamah ini mempercayainya.

Buat sementara ini, adalah memadai dikatakan Mahkamah ini mendapati bahawa suatu kes *prima facie* telah dibukitkan pada akhir kes pihak pendakwa dan dengan ringkasnya keterangan OKT adalah seperti berikut:

Pati keterangan OKT adalah bahawa dia tidak pernah memegang atau membuang apa-apa bungkusan pun [sepertimana yang diceritakan oleh Det. Alias (PW1), Konst Balasubramaniam (PW3) dan Nordin (PW5)]. Pada ketika dia dikatakan memegang dan membuang bungkusan itu, dia sedang mencari seekor kambing kepunyaan bapanya yang didapati hilang sepertimana yang diminta oleh adiknya. Kerja mencari kambing itu adalah tambahan pada kerja biasanya pada pagi itu iaitu menggembala lembu-lembu sebanyak 15 ekor di belakang rumah dan lebih kurang satu batu dari rumahnya.

OKT menerangkan dia telah disalah tangkap oleh kerana silap dikenalpastikan sebagai orang yang tampak memegang dan membuang bungkusan itu di peristiwa pertama itu iaitu identitinya telah silap dikenalpasti (a case of mistaken identity). Kekeliruan mengenai identitinya timbul kerana 2 orang India lain bernama Prabakaran dan Manokaran dan rupa dan bentuk mereka serupa dengan OKT. Sebelum ditangkap, kedua-dua orang itu kelihatan di tempat kejadian, dan mereka sama tinggi dengan OKT dan jua bermisai seperti OKT. Ringkasnya, dalam peristiwa pertama, pada lebih kurang 10.30 pagi, dia ada di tempat kejadian dan nampak kedua-dua orang itu bersama-sama dengan tiga orang Cina melarikan diri melalui tempat kejadian itu lebih kurang 50 atau 60 meter daripada OKT, dari arah OKT. Dia nampak juga salah seorang India mencampakkan suatu bungkusan ke arah OKT dan pada ketika itu dua orang Melayu sedang mengejar kesemua mereka itu.

Tidak berapa lama kemudian dua orang Melayu yang mengejar tadi pulang ke tempat kejadian. Salah seorang berdiri lebih kurang 100 kaki daripada OKT sedangkan seorang lagi menaiki sebuah motosikal dan meninggalkan tempat kejadian.

Kemudian sepasukan polis terdiri dari empat anggota polis dan Nordin datang. Orang Melayu yang berdiri lebih kurang 100 kaki daripadanya (iaitu salah seorang pengejar tadi) menunjukkan OKT kepada polis (seolah-olah menuding jari kepada OKT) dan menyatakan kepada polis itu OKT serupa dengan orang yang melarikan diri tadi. Salah seorang daripada pasukan polis bertanya kepada OKT samada OKT kenal dengan orang-orang yang melarikan diri, dan OKT pun menjawab dia tidak kenal. Sejurus itu OKT pun ditangkap dan dibawa ke Balai Polis Buntong.

Sementara menunggu bicara kes ini dan ditahan di Penjara Taiping, OKT terserempak dengan kedua-dua orang India itu yang melarikan diri terlebih dahulu dalam peristiwa pertama itu. Mereka sedang menjalani hukuman di sana lantaran kesalahan dadah. Semasa di penjara, kedua-dua orang India itu mengaku kepada OKT bahawa mereka adalah orang-orang yang melarikan diri pada pagi itu di tempat kejadian sebelum pasukan polis sampai dan menangkap OKT. Semasa di kandang saksi, OKT memberitahu kedua-dua orang India itu tidak diketahui di mana mereka berada sekarang semasa pembicaraan kes ini.

OKT berkata memang terdapat lembu-lembu yang digembalakannya. Apabila ditanya kenapa pasukan polis tidak nampak lembu-lembu itu OKT menjawab dia tidak tahu samada mereka berbohong.

Anggota-anggota polis yang sampai di tempat kejadian tidak berpakaian seragam. OKT tahu mereka adalah polis kerana Det. Alias dan Konst. Bala pernah datang ke gerai sayur-sayurannya di pasar Buntong dan OKT pernah nampak mereka bila OKT menghantarkan susu lembu kepada seorang anggota polis di balai polis yang sama setiap hari.

Sebelum saya mengulangi kesimpulan-kesimpulan saya di sini atas keterangan yang datang dari kedua-dua pihak pendakwa dan pihak pembelaan, secara khusus dan ringkas biarkan saya terangkan terlebih dahulu beberapa perkara daripada penghujahan Peguambela yang patut menerima penjelasan daripada Mahkamah ini.

Pertamanya, terdapat celah di rangkai keterangan mengenai dadah atau ekshibit atau barang-barang kes tentang dadah yang terlibat dalam kes ini.

Pada pandangan saya tiada celah itu. Biar saya meneliti keterangan lagi. Setelah OKT dikatakan membuang bungkusan yang berkenaan, Konst. Bala pun pergi ke tempat di mana bungkusan kelihatan terjatuh. Konst. Bala menemuinya dan membawanya kepada Det. Alias yang memeriksanya sepintas lalu dan membawanya sendiri ke Balai Polis di Buntong di mana Det. Alias menyerahkannya kepada Insp. Veeman yang kemudiannya berhubung dengan Cawangan Anti-Dadah. Kemudian Det. Alias memeriksa dan meneliti isi bungkusan itu satu demi satu. Dia tandakan dengan huruf "Y" 10 paket itu, antara lain. Dia menyerahkan kesemua barang-barang kes itu kepada Insp. Raja Zahudeen (PW4) pada hari yang sama. Insp. Raja Zahudeen pada 17 April 1985 menyerahkan barang-barang kes itu kepada Cik Lam, ahli kimia dan daripada Cik Lam, Insp. Raja Zahudeen menerima balik barang-barang kes itu dan menyimpannya di setor ekshibit. Cik Lam mengesahkan penerimaan barang-barang kes itu dalam tiga sampul surat bertanda Z1, Z2 dan Z3 (tanda-tanda itu telah pun diturunkan oleh Insp. Raja Zahudeen). Cik Lam mendapati berat serbuk berbiji-biji itu ialah 88.70 gram dan serbuk itu didapati heroin sepertimana ditakrifkan dalam Akta Dadah Berbahaya dan beratnya 24 gram bersih. Dia telah memakai sebahagian dari serbuk berbiji-biji itu untuk ujian dan bakinya yang tidak dipakai, atau sisanya dimasukkan ke dalam satu beg plastik yang ditutup rapat-rapat ditandakan dengan "IP2697/85". Barang-barang kes telah pun dikemukakan ke Mahkamah dan dicamkan oleh Cik Lam, Insp. Raja Zahudeen, Det. Alias dan saksi-saksi lain. Insp. Veeman telah ditawarkan sebagai saksi untuk pihak pembelaan jika dikehendaki.

Insp. Veeman adalah ketua pegawai di Balai Polis Buntong dan dia tengok apa yang dijumpai oleh Det. Alias. Tidaklah perlu dia datang ke kandang saksi mencerikakan dia pun ada melihat benda-benda itu. Konst. Rosli yang menyertai pasukan polis pun ditawarkan kepada pihak pembelaan tanpa datang ke kandang saksi.

Prinsip utama, dalam hubungan ini, telah ditetapkan dalam kes Mahkamah Persekutuan dalam kes *Su Ah Ping v. Public Prosecutor* [1980] 1 MLJ 75 bahawa selain daripada terdapatnya keraguan tentang identiti sesuatu ekshibit, tidaklah perlu untuk memanggil kesemua orang yang pernah memegang ekshibit itu untuk menjadi saksi-saksi di Mahkamah, dan adalah memadai jika saksi yang menjumpai barang kes itu mencamkannya di hadapan Mahkamah.

Dengan keadaan yang terdapat dalam kes ini, Mahkamah berpuashati tidak terdapat sebarang keraguan tentang identiti barang-barang kes dan tidak terdapat sesuatu celah pada rantai keterangan mengenai barang-barang kes.

Suatu perkara lagi yang dipertikaikan ialah pada mulanya, dadah yang dilihat oleh Det. Alias merupakan serbuk merah jambu, akan tetapi bila dadah itu ditunjukkan kepadanya di Mahkamah, ia berlainan sedikit, ia tidak semerah seperti dahulu. Jika tidak terdapat celah keterangan, sepertimana tersebut di atas, perkara ini tidak menjadi hal, memandang kepada tanda-tanda yang diturunkan ke atas paket-paket, sampul-sampul surat, keterangan ahli kimia dan saksi-saksi, s. 114 Akta Keterangan 1950 juga terpakai, iaitu Mahkamah boleh menganggap kewujudan apa-apa fakta yang difikirkan telah berlaku setelah memberi pertimbangan terhadap

perjalanan biasa peristiwa alam misalnya warna sesuatu barang luntur setelah lama terdedah kepada udara.

Satu perkara lagi mengenai satu keratan surat khabar (D23) yang telah dikemukakan ke Mahkamah sepertimana yang dibenarkan oleh Mahkamah. Keratan itu menyokong cerita peristiwa pertama juga. Kebenaran ini adalah berdasarkan peruntukan di bawah s. 81, Akta Keterangan 1950, dan dengan perkataan-perkataan lain, ia dapat dimasukkan ke dalam keterangan tanpa bukti formal. Akan tetapi kemasukannya dalam keterangan bukanlah sama dengan bukti bahawa isinya adalah benar semata-mata, nilai keterangan begini terserah kepada Mahkamah. Nilai sedikit sahaja telah diberi kepada D23 oleh kerana pemberita yang menulisnya tidak datang ke Mahkamah untuk disoalbalas, atau pegawai polis yang memberi kenyataan yang berkenaan juga tidak hadir di Mahkamah untuk tujuan yang sama.

Mengenai perkara percakapan beramaran OKT yang dimasukkan ke dalam keterangan, Mahkamah telah pun menimbangkannya sebelum akhir kes pendakwa, akan tetapi, nilai untuk isi percakapan ini adalah terhad oleh kerana pada peringkat itu, antara lain, OKT belum dapat disoalbalas tentang isinya dan setelah OKT dipanggil untuk pembelaannya, nilai isi itu bergantung kepada soalbalas dan keterangan keseluruhan kes ini.

Satu perkara lagi mengenai senarai pencarian (search list) yang tidak dibuat oleh polis dan salinannya tidak diserahkan kepada OKT, pada pendapat saya, tidaklah perlu ia dibuat kerana barang-barang kes yang dijumpai bukan di sesuatu premis atau bangunan, apabila penghuni premis atau bangunan itu berhak meminta dan telah pun meminta salinannya di bawah Kanun Prosedur Jenayah. Barang-barang kes ini dijumpai di tempat terbuka dekat dengan sebatang jalan tanah merah.

Berbalik kepada keterangan, pada akhir kes pihak pendakwa, Mahkamah berpuashati bahawa satu kes *prima facie* telah dibuktikan, memandang kepada keterangan, khasnya OKT kelihatan memegang bungkusan itu yang telah dibuktikan sebagai heroin sepertimana yang ditakrifkan dalam Akta Dadah Berbahaya, 1952. Memegang bungkusan itu adalah menunjukkan jagaan (custody) atau kawalan (control) atas dadah itu, OKT pun dianggap memiliki (in possession of) dadah itu dan mengetahui sifat dadah itu. Anggapan statutori bahawa OKT adalah seorang pengedar pun timbul kerana berat heroin yang berkenaan adalah lebih dari 15 gram.

Mahkamah telah meneliti keterangan OKT dan saksi-saksinya dan ia tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah atas kes pendakwa. OKT pun gagal atas imbangan kebarangkalian mematahkan anggapan statutori mengenai milikan (atau possession) dan juga anggapan statutori mengenai pengedaran dadah (trafficking). Keterangan yang datang dari Det. Alias, Konst. Bala, Nordin, adalah cukup berhubung dengan pemegangan dan pembuangan bungkusan itu yang keras dinafikan oleh OKT; walau apapun yang terjadi di peristiwa pertama sebelum pasukan polis sampai ke tempat kejadian ia tidak dapat menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah. Det. Alias, Konst. Bala dan Nordin, pada peristiwa kedua, telah melihat dengan jelas OKT dari pandangan pertama sehingga tertangkapnya, OKT tidak pernah terkeluar dari penglihatan mereka. Juga ditekankan tiada tanda positif yang dapat menyebabkan Mahkamah ini berfikir bahawa adalah lebih mungkin OKT bukan seorang pengedar dadah.

OKT telah pun didapati bersalah dan disabitkan dan dikenakan hukuman mati.